

14/09/2003

Peneroka dapat RM1b (HL)

Mohd Azlan Jaafar

PUTRAJAYA: Seramai 144,336 peneroka Felda seluruh negara akan menikmati durian runtuh berbentuk saham bernilai RM1 bilion atau sekurang-kurangnya RM6,000 seorang apabila Felda Holdings Sdn Bhd disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL), sebelum akhir tahun ini.

Penyenaraian Felda yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika membentangkan Bajet 2004 di Parlimen kelmarin adalah bukti pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan peneroka dalam pembangunan negara.

Menteri Kewangan Kedua, Datuk Dr Jamaludin Jarjis, berkata keputusan kerajaan itu selain memanfaatkan aset yang dimiliki kerajaan, bertujuan memastikan peneroka mendapat faedah hasil dasar kerajaan.

"Felda adalah satu ladang yang memberi pulangan baik. Kini ia diharap dapat membela nasib peneroka (menerusi penyenaraian).

"Penyenaraian ini juga membolehkan Felda mempunyai akses kepada dana bagi membolehkannya terbabit dalam aktiviti industri hiliran berdasarkan kelapa sawit supaya boleh diceburi anak peneroka," katanya selepas mengadakan mesyuarat dengan pengurusan kanan Felda di Kementerian Kewangan di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi Felda Tan Sri Mohd Yusof Noor, Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Samsudin Hitam dan pegawai kanan Felda lain.

Dr Jamaludin yang menegaskan struktur sebenar pembahagian saham kepada peneroka dan kakitangan hanya akan diketahui akhir bulan, berkata pemberian saham itu berikutan pegangan peneroka dalam Koperasi Permodalan Felda yang mempunyai kepentingan 51 peratus dalam Felda Holdings.

"Selepas Felda disenaraikan, ini bermakna mereka berhak mendapat saham, tetapi pihaknya dan Felda perlu mendapat kelulusan Suruhanjaya Sekuriti (SC) sebelum mengetahui jumlah sebenar yang akan diperoleh peneroka terbabit," katanya.

Beliau berkata, langkah ini selaras hasrat kerajaan untuk memanfaatkan aset kerajaan selain memastikan matlamat menjadikan Malaysia negara perdagangan tulen tercapai.

"Dengan penyenaraian ini, Felda dapat memperluaskan aktivitinya yang kini terhad kepada pemerosesan dan pemasaran minyak sawit mentah.

"Kerajaan mahu Felda meningkatkan aktiviti penyelidikan dan terbabit dalam pengeluaran barangan yang ada hubung kait dengan minyak sawit supaya barangan berkenaan dapat dipasarkan ke seluruh dunia. Ini nilai tambah yang dimaksudkan Dr Mahathir.

"Kita mahu Felda menjadi teras sektor perladangan dalam pengeluaran hasil sawit dan produk hiliran berdasarkan industri baru berasaskan kelapa sawit," katanya.

Beliau juga berkata, penyenaraian Felda akan menjadikannya syarikat perladangan terbesar di dunia yang disenaraikan di mana-mana bursa saham.

"Felda mempunyai tanah perladangan sebanyak 354,554 hektar dan ini cukup besar. Selain itu, Felda membeli hasil perladangan peneroka yang mempunyai kawasan keseluruhan ladang sebanyak 447,246 hektar. Jadi ia akan menjadi syarikat ladang terbesar di dunia yang disenaraikan," katanya.

Mengenai cara bagi memastikan peneroka tidak menjualkan saham itu untuk mendapat keuntungan pantas, katanya kerajaan sedang merumuskan cara supaya peneroka memaksimumkan nilai saham yang diperoleh.

"Kita nak cari jalan supaya apabila kita beri kepada mereka supaya jangan dia ambil hari ini, esok dia jual ...kita dengar Tenaga dan Telekom, bila pink form keluar, dah jual.

"Kita akan reka mekanisma supaya mereka terus memegang saham itu dan tidak menjualnya selepas sehari. Bagaimanapun, kita mahu peneroka membuat untung dari saham itu. Ini akan difikirkan," katanya.

Dr Jamaludin juga menjelaskan, hanya 25 peratus saham Felda akan dijual kepada pelabur apungan manakala kerajaan dan agensi berkaitan akan terus memegang baki saham berkenaan.

"Kita masih mempunyai pegangan selepas penyenaraian. Hasil penyenaraian juga membolehkan kerajaan mendapat pendapatan untuk melaksanakan projek kerajaan lain," katanya.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata, kerajaan berharap penyenaraian Felda akan menggalakkan syarikat perladangan lain turut mewujudkan entiti perladangan besar di BSKL.

"Kerajaan proaktif dalam perkara ini. Kita mahu membuktikan kita serius dan berharap pasaran akan mengikut untuk bergabung dan menjadi entiti perladangan besar," katanya.